mentah] ni. *Mudoh*[mudah] lagi buat *maso* ni [masa sekarang]. *Kelate*[Kelantan] ini *tok*[tidak] tahu. Insha Allah *mudoh bokali*[mudah barangkali].

**SN : Bagaimana *pok cik yie*[pak cik Sukri] memastikan kualiti dan kebersihan bahan-bahan produk?**

**EMS :** Kualiti ini *kito*[kita] *keno*[kena] jaga daripada awal lagi. *Daripado kito nok masuk*[daripada kia nak masuk] *bendo*[benda] itu lagi. Masuk *daripado nok rende*[daripada nak rendam] *nok* [nak] basuh *daripado*[daripada] situ lagi *kito keno tengok doh*[kita kena tengok sudah], Perlu sentiasa bersihlah. *Kalu kito*[kalau kita] *kato keno*[kata kena] basuh *tigo*[tiga] kali *keno*[kena] basuh *tigo* [tiga] kali. *Kalu*[kalau] basuh sekali *bangak rusok*[cepat rosak]. *Maso*[masa] basuh *berah*[beras] tu lah. *Tidok* [tidak] ko[ke] *lagumana*[macam mana]. *Gitu ke* [macam tu ]. Kualiti ini. Apabila *tubik*[kelua] produk itu *kito*[kita] boleh tahu *lahu*[terus] *doh*[sudah].

**SN : Okey, Apakah keistimewaan produk-produk yng dikeluarkan oleh JCH?**

**EMS :** *Sedaklah*[sedaplah]. Produk *pok cik yie*[pak cik Sukri] ini *tok bau*[tak berbau] busuk kalau *make* [makan] *lakso*[laksa]. *Pasal*[Sebab] *kito ado*[kita ada] penyedut air dari *berah*[beras] tu. *Kito tidok*[kita tidak] perap air *tubik*[keluar] *denga sediri* [dengan sendiri] *dok*[tidak] kita sedut *serupo* [sama] *mace*[macam] *pok cik yie*[pak cik Sukri] *oyak*[cakap] itu. *Maknonyo*[maknanya] kualiti itu *sedaklah*[sedaplah]. *Lain daripado ore lain*[lain daripada orang lain]. *Pah* [lepastu] macam mi, kuetiau *ado*[ada] sifir-sifir *gitulah*[begitulah] *caro-caro gitulah*[cara-cara begitulah].

SN : **Bagi pendapat *pok cik yie*[pak cik Sukri] produk apakah yang paling mendapat sambutan daripada pelanggan?**

EMS : Itulah *lakso*[laksa] lah, Nombor satu di *Kelate*[Kelantan].*Buke nok nyohor*[bukan nak berlagak] tapi kenyataan gitu[begitu].Nombor satu di *Kelate*[Kelantan](ketawa).Tapi *loni*[sekarang] sakit hati *jugok*[juga] *ko*[ke] kerajaan *loni*[sekarang].*Lakso sie*[laksa siam]*banyak maghi*[banyak datang].*Lakso sie* [laksa siam] itu Allah *kalu boleh*[kalau boleh] *toksoh make*[tak perlu makan].*Mugo kito*[sebab kito] *tok tahu*[tak tahu] *sumbo dio*[sumber dia] *wak lagumano*[buat macam mana] *kito tok tahu*[kita tak tahu].*Lakso*[laksa] *dio*[dia] masin sikit.*Pok cik yie*[pak cik Sukri] *duk beraso*[berasa] masin. *Tera* [cuba] *raso*[rasa].Masin untuk *tehe*[tahan] *ko gano*[ke macam mana ke] *ko*[ke] untuk *bendo*[benda] lain *tok*[tidak] tahulah.*Tidok*[idak] adillah bagi *pok cik yie*[pak cik Sukri].*Mugo sie*[kalau Thailand] *banyak pado kito*[banyak pada kita] masuk.*Banyak*[banyak],(geleng kepala). Menyebabkan *kito kalah doh sikit loni*[kita kalah sedikit sekarang].*Ha kalah loni*[ya kalah sekarang],*Dio*[dia] masuk *banyak*[banyak]. Dari segi kualiti *lebih kure jah*[lebih kurang sahaja].Hebat *kito ado*[kita ada].tapi *takdok araolah* [begitulah] *mugo* [sebab] *peraih-peraih*[penjual-penjual] ini *dio tok peting*[dia tak pentingkan] *mano kesihate* [mana kesihatan]ore make[orang makan] ini.Dio peting duit jah.*Takdok araolah*[tapi macam itulah] *nok wak guano*[nak buat macam mana].

SN : **Adakah *pok cik yie*[pak cik Sukri] berhasrat untuk mengeluarkan produk lain?**

EMS : *Ado*.[ada].Di hati tu[itu] *nok*[nak] buat produk *hok kering*[yang kering].*Packaging*[pembungkusan] masuk *pack*[pek] *mace*[macam] Maggi

*gapo*[apa] .Laksam laksa *nok atar gi*[nak hantar pergi].*Ado cito-cito ake date*[Ada cita-cita akan datang].Tapi *tokleh*[tidak boleh] lagi *loni*[sekarang] mesin mahal sangat *bia*[biarkan] dulu.

**SN : Adakah syarikat ini akan membekalkan produk-produk ini ke kedai-kedai melalui delivery [penghantaran] atau pemilik kedai self pickup [ambil sendiri] di kilang?**

EMS : *Ado*[ada] kito atar delivery[hantar penghantaran] di keda-keda [kedai-kedai]seluruh Kelate[Kelantan]. Pasar-pasar besar *gapo*[kata penguat].Kito *atarlah*[kita hantarlah] *kito ado gapo*[kita ada apa] , *ore*[orang] panggil *ado sek-sek kitolah*[ada kumpulan kitalah].*Buke staff*[bukan pekerja] tu pemborong-pemborong *kito*[kita].

**SN : Adakah syarikat ini hanya membekalkan produk-produk ini dalam negeri Kelantan sahaja?**

EMS : *Dok*[tidak],ke Selangor, *Pehe*[Pahang],*Tegamu*[Terengganu],Perak.*Gi kito gi bare*[pergi kita pergi barang] tu.

**SN : Apakah cabaran utama yang pernah dihadapi dalam pengembangan atau pengeluaran produk ini dan bagaimana pok cik yie [pak Cik Sukri]?**

EMS : *Cabare utamo*[cabaran utama] yang di hadapi adalah tindakan daripada kerajaan-kerajaan ni[ini] pun berat juga *mace*[macam] alam sekitar ,kementerian kesihatan *banyak jugoklah*[banyak jugalah].*Dio nok*[dia nak] *wi suh*[bagi suruh] *kito molek jugok*[kita lancar juga] betul dah jadi *kito keno* [kita kena]buat *hok*[yang]

*peritoh*[diperintahkan] *hok dio nok*[yang dia nak] buatlah. *Bialah dio* [biarlah dia] *tok caro*[tak endah] *kokre lain*[orang lain] *pon* [pun] *dio caro* [dia jaga] *kito pahtumyo*[kita lepastunya] - cabaran lainnya persaingan *kitolah*[kitalah] .Persaingan dari segi *hargo*[harga].*Hok kito*[yang kita] *duk*[tengah] *peratinyo*[tengah perhati] *kalu kito*[kalau kita] *kironyo*[kiranya] produk *pok cik yie* [pak Cik Sukri] dengan produk *hok lain*[yang lain] *buke*[bukan] bumiputera,*lebih kure jah*[lebih kurang sahaja] dari segi mutu *dio*[dia] tapi sambutan *daripado*[daripada] pengguna *dio tok pehe*[dia tak faham].*Ado payoh*[ada susah].*Ho gitulah maknonyo* [ya begitulah maknanya] *sambute*[sambutan] *ado jugoklah*[ada jugalah] *kure*[kurang] *tidok* [tidak]sehebat produk *dio*[dia] produk *hok ore lua*[yang orang luar] *hok produk buke*[yang produk bukan] bumiputera tu.

SN **Jadi cara *pok cik yie* [pak Cik Sukri] mengatasi cabaran itu?**

EMS Cara nak atasi *bendo tu* [benda itu] kito keno[kita kena] buat *hok mano*[yang mana] *kito kato*[kita kata] kesihatan[menunjukkan kementerian kesihatan] ,alam sekitar *kito keno* [kita kena] *turut* [ikut] *hok dio nok*[yang dia nak] ,*dio nok* [dia mahu] air gubahan *kito keno wak*[kita keno buat].*Mace bersih gapo* [Macam untuk kebersihan] *hoktu* [yang itu] wajib *doh*[sudah].*Bendo*[benda] tu *bendo* [benda] wajib *keno wak jugok*[kena buat juga]. Kementerian kesihatan gapo[apa] *makno* [maknanya] kebanyakannya *hok dio*[yang dia] suruh *kito waklah*[kita buatlah].Apabila *kito wak* [kita buat]*dio wi*[dia bagi] MeSTI *gapo*[apa] tu kelulusan. Logo *dio* [dia] tu *hok kito nok bubuh*[yang kita nak letak ] di *kito punyo*[kita punya] *beg*[pek] mi, kuetiau tu. Kebenaran *dio*[dia] tu *maknonyo*[maknanya] *kito keno*[kita kena] ] ikutlah.

SN **(Mengangguk faham),Okey. Apakah usaha *pok cik yie* [pak Cik Sukri] untuk memastikan yang jenama JCH masih relevan dalam pasaran terkini?**

EMS Sentiasa memantau keadaan semasa pengilangan lagi (bunyi telefon) produk *kito*[kita] buatan *kito*[kita] tu *so*[satu],*Kito*[kita] *banyoklah*[banyaklah] kena *promote-promote*[promosi-promosi] lagi ke pengguna-pengguna bagi memberi kesedaran ke dia. *Makane*[makanan] *kito*[kita] *makane*[makanan] *ore Isle*[orang Islam].Tu jelah yang terbaik . Maknanya pemasaran *nok tanyo*[nak tanya] *pasare*[pasaran] terkini.Pasaran terkini maknanya *kito*[kita] *keno*[kena] ikut keadaan *semaso*[semasa] *online ko*[atas talian ke],*COD* [tunai semasa penyerahan] *ko*[ke],*FB* [Facebook] *ko*[ke],*Wasap grup*[kumpulan Whatsapp] *ko*[ke]. Itu *kito*[kita] *keno wak belako*[kena buat semua] itu.*Keno ikut sokmo*[kena ikut sentiasa].

SN **Selain daripada persaingan daripada laksa dari Thailand itu ,ada lagi tak persaingan tempatan.**

EMS *Ado*[ada] persaingan tempatan *pon*[pun] *ado*[ada],persaingan tempatan ni *dio*[dia] *tok banyok*[tidak banyak] *dio*[dia].*Dio*[dia] jual sikit-sikit *dale*[dalam] pasar gitu *jah*[sahaja].*Banyoklah*[banyaklah] *kito*[kita] *tok*[tidak] gerunlah *maknonyo*[maknanya] *hok*[yang] *kito*[kita] gerun persaingan *alok sano*[sebelah sana].*Ho banyok*[ya banyak].*Banyok*[banyak] teramat-amat.*Mace bendo*[macam benda] itu *tok saloh*[tak salah] bagi *dio hok* [dia yang]masuk tu.Kerajaan sokong masuk padahal *bendo*[benda] *tok keno*[tak kena] *cuka*[cukai] *pon*[pun]. Masuk

*bodo*[bodoh] *gitu*[begitu] *jah*[sahaja] *tokleh pitih* [tak dapat duit] *pon*[pun] kerajaan.*Patutnyo*[patutnya] *holah*[yalah] *keno*[kena] ambik berat .

### TAMAT BAHAGIAN C

#### BAHAGIAN D : SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

SN : Bahagian seterusnya mengenai pencapaian dan sumbangan adakah *pok cik yie* [pak Cik Sukri] pernah menerima anugerah sepanjang menjalankan perniagaan ini?

EMS : Alhamdulillah,tahun ini *pok cik yie* [pak Cik Sukri] *royak*[cakap] *buleh*[boleh] anugerah tokoh - usahawan daripada Majlis Agama Islam Kelantan dalam bahagian makanan.Tokoh Usahawan Daie .*Pok cik yie* [pak Cik Sukri] *wi* [bagi] sijil *aritu*[hari itu] tengoklah.*Buleh*[boleh] sijil .

SN : Boleh kami tahu apakah bentuk anugerah yang diterima?

EMS : Anugerah yang dio bagi tu *takdok*[tiada]- sijil,*dio wi*[dia bagi ] duit poket *wak wak* [buat buat]minum air 5000 *riya*[ringgit].Patuh *takdoklah*[tiada] tu anugerah *daripado* Majlis *Ugama*[agama] Islam tu *dio*[dia] bawah Daie.Atas *hok*[yang] *pok cik yie* [pak Cik Sukri] *oyak*[cakap] *saknih*[sebentar tadi].

SN : **(Mengganggu faham) . Apakah persepsi masyarakat apabila *pok cik yie [pak Cik Sukri]* menerima anugerah tersebut?**

EMS : *Ho dio kato*[ya dia kata] hebat , masyarakat menerima baik *maknonyo* [maknanya] hebatlah ,*bulih*[boleh] anugerah ini *maknonyo* [maknanya] tokoh tokoh *ado*[ada] *jamine*[jaminan] kerajaan suruh *maknanyo* [maknanya] *bendo*[benda] itu sungguhlah. *Ore kato*[orang kata] *pok cik yie* [pak Cik Sukri] buat ini diakui oleh kerajaan negeri untuk terutama oleh Majlis Agama Islam di *bowoh*[bawah] halal nih[ini]Jadi *bukok mato*[buka mata] sikit *pado* [pada] pelanggan-pelanggan *kito* [kita] tuh maknonyo [maknanya] boleh pilihlah .Lebih baik mana yang tak baik.

SN **(Mengganggu faham).Okey. Adakah anugerah tersebut memberi impak kepada perniagaan *pok cik yie* [pak Cik Sukri] ?**

EMS : *Adolah*[adalah] sikit-sikit

SN : **Adakah *pok cik yie* [pak Cik Sukri] berpuas hati dengan pencapaian tersebut?**

EMS : Ya berpuas hati.

SN : **Seterusnya,pernahkah *pok cik yie* [pak Cik Sukri] ditawarkan untuk memberikan taklimat atau berkongsi rahsia kejayaan *pok cik yie* [pak Cik Sukri] kepada mereka di luar sana?**

EMS : *Takdok agih*[tiada lagi] *cumo*[cuma] lawatan-lawatan *ore*[orang] *maghi*[datang] *ado*[ada].*Maghi*[datang] *nok*[nak] tengok *maghi*[datang] *nok*[nak] melawatlah.*Tanyo secaro gitulah*[tanya secara beitulah]. *Kito wi*[kita bagi] taklimat *pon gitulah*[pun

begitulah] *kito wak*[kita buat] *caro*[cara] *ore*[orang] *maghi*[datang] melawatlah. *Ado maghi daripada* [ada datang daripada] luar ke.

SN : **Kalaulah *pok cik yie* [pak Cik Sukri] ditawarkan untuk beri taklimat *pok cik yie* [pak Cik Sukri] sudi?**

EMS : Tengok keadaan *kalu tidok*[kalau tidak] sibuklah.

SN : **(Mengganggu faham).Ok. Apakah pencapaian-pencapaian yang diperoleh oleh syarikat seperti perniagaan ini pernah keluar di mana-mana media cetak, media massa atau media sosial?**

EMS : *Ado*[ada] dalam surat *khobar*[khabar] *gapo*[apa] *masok dale*[masuk dalam],*dale gapo*[dalam apa] media massa usahawan *ado*[ada] sikit-sikit *tidok sokmolah*[bukan sentiasa].

SN : **Seterusnya, bagaimana *pok cik yie* [pak Cik Sukri] dapat mengekalkan perkembangan serta pencapaian yang telah diperolehi?**

EMS : *Saknihlah supo*[sebentar tadi sama] *pok cik yie* [pak Cik Sukri] oyak *saknihlah*[cakap tadilah] *kito*[kita] kena sentiasa jaga mutu *de*[dan] *jago jago*[jaga jaga] *customer-customer* [pelanggan-pelanggan] *kito*[kita]i tu pembekal-pembekal *kito*[kita] tu dengan baik. *Maknonyo*[maknanya] *keno bice sokmolah* [kena bincang sentiasalah]*gapo*[apa] *masalah* [masalah] *bakpo tok sapa sini* [kenapa tak sampai sini]*bakpo*[kenapa] — kita kena ambik tahu *semo*[semua] kelewatan *ko*[ke] *gapo*[apa].



SN : **Okey, Bagaimanakah perniagaan ini memberikan sumbangan kepada komuniti setempat?**

EMS : *Mano-mano*[mana-mana] sumbangan *kito banyak*[kita banyak] kepada penduduk-penduduk setempat iaitu pekerja *kitolah*[kitalah].*Rama jugok*[ramai juga] *hok duk kijo*[yang duduk bekerja] *tepat kito*[tempat kita] tu. *Ore-ore kapung* [orang-orang kampung] *ore*[orang] tempatan itu *buke ore*[bukan orang] *lua*[menunjukkan orang luar Kelantan].

SN : **Dua puluh lima pekerja tu ore[orang] tempatan belako[semua]?**

EMS : *Ore* [orang] tempatan belako.*Loni*[sekarang] *tokse*[tak nak] *gerok*[menunjukkan perbuatan keluar] *tokse tubik*[tak nak keluar] .*Mulo* [dulu] *tubik*[keluar] masuk *tubik*[keluar] masuk *patuh*[lepas tu] *loni*[sekarang] gaji mahal.Seribu lima ratus sebulan *ado*[ada] elaun *gapo*[apa].*Hok*[yang] *OT*[kerja lebih masa] *gapo ado*[apa ada].

SN : **Okey. Apakah inisiatif atau program sumbangan yang telah dijalankan oleh perniagaan ini?**

EMS : *Banyak sumbange*[banyak sumbangan] gak.Inisiatif sumbangan ni *banyak*[banyak].*Dale*[dalam] zakat,*dale*[dalam] *dermo-dermo*[derma-derma] persatuan-persatuan.*Banyaklah*[banyaklah] anak-anok[anak-anak] yatim,Kementerian kesihatan *kade-kade*[kadang-kadang] mohon *jugok*[juga] untuk *sumbange*[sumbangan]. *Daripado*[daripada] kementerian *kesihate*[kesihatan] *spita spita*[hospital-hospital] bahagian pentadbiran ni *ado*[ada].Belia-belia.*Ado*

*jugoklah*[ada jugalah] *tidak banyok*[tidak banyak] pon [pun] *maknonyo*[maknanya] *ado sokmo*[sentiasa ada] *jugok* [juga]tu.

SN : Adakah perniagaan *pok cik yie* [pak Cik Sukri] terlibat dalam tanggungjawab sosial atau inisiatif kebajikan seperti membayar zakat, membantu asnaf atau sebagainya?

EMS : Ya *supo*[sama] *pok cik yie* [pak Cik Sukri] *oyak sakni ado*[cakap tadi ada].Zakat tu wajib.*Daripado*[daripada] *income tax* [cukai pendapatan] *banyak-banyok* [banyak-banyak] baik bayar zakat.

#### TAMAT BAHAGIAN D

#### BAHAGIAN E : PANDANGAN DAN NASIHAT

SN : Bahagian terakhir untuk temubual ini adalah nasihat atau pandangan *pok cik yie* [pak Cik Sukri] sendiri.Jadi apakah pandangan *pok cik yie* [pak Cik Sukri] mengenai perniagaan ini pada masa hadapan?

EMS : *Maknonyo*[maknanya] *sayonyo*[saya] yang paling penting sekali *kito*[kita] keno *jagolah*[jagalah] mutu produk *kito*[kita] ni biar sentiasa baik—sentiasa dengan keadaan yang baik. Jadi harapan *kito*[kita] *hok*[yang] masa hadapan ini *hok*[yang] kerajaan *kito*[kita] control[kawal] sikit *hok*[yang] *alik sano*[sebelah sana] *maghi*[datang].Thailand khususnya produk-produk yang masuk tanpa

sekatan *lakso*[laksa] *serupo*[sama] *hok*[yang] *kito*[kita] *duk*[sedang] jual ni. *Kito*[kita] *nok gi*[mahu pergi] *alok sano payoh*[sebelah sana susah] .*Dio nok maghi alok kito*[kita] *mudoh*[mudah].

SN : **Okey. (Bernafas)**

EMS : *Kalu tokse*[kalau tak nak] *bui ko*[bagi kepada] syarikat-syarikat kecil *gini*[begini] *ko*[kepada] syarikat-syarikat *hok* [yang] baru *nok belaja*[nak belajar] *nego*[berniaga] ni *keno tehe*[kena tahan] *alok sano*[sebelah sana].*Bia* [biarkan] *sep-sep* [kumpulan-kumpulan] *kito pulok*[kita pula] monopoli.

SN : **Apakah perkembangan atau peluang baru yang *pok cik yie* [pak Cik Sukri] lihat dalam perniagaan ini?**

EMS : Perkembangan dan peluang baru ni *kito* [kita] *keno sahut seruan keadaan semaso*[semasa] *nego* [berniaga] dengan *online*[atas talian].*Nego*[berniaga] *denga*[dengan] *gapo*[apa] *ore*[orang] panggil dengan *gapo*[apa] ni di FB ni *keno*[kena] ikutlah. Di shopee tu *kito*[kita] *keno*[kena] ikutlah. *Caro-caro*[ambil kisah] *mace*[macam] tu. Tu dio panggil perkembangan baru. Peluang baru tu, *kito*[kita] *keno* ikut *jugok*[juga]. *Kito*[kita] *tokleh* [tidak boleh] senyap *tokleh*[tidak boleh] *alpa*[lupa]. Okey.

SN : **Bagi pendapat *pok cik yie* [pak Cik Sukri] apakah pandangan *pok cik yie* [pak Cik Sukri] terhadap bidang perniagaan di Malaysia sekarang ini?**

EMS : Malaysia *kito*[kita] ini, Allah- mengikut politik *banyak masalah*[banyak masalah]. Politik pun kuat. Jadi perniagaan *kito*[kita] di Malaysia ni *mugo-*

*mugo*[benda-benda] lain selain *daripado* [datipada] makanan *napok*[nampak] *malah*[malas] doh. *banyak*[banyak] *mari lani*[datang sekarang].Jadi *hok* [jadi yang] untuk perniagaan *makane*[makanan] ni *pok cik yie* [pak Cik Sukri] *raso dale*[rasa dalam] keadaan stabil lagi.Tapi stabil *tok*[tidak] stabil *pon*[pun] kerajaan *pon*[pun] *keno*[kena] ambil kerjasama lah.*Maknonyo*[maknanya] *keno*[kena] kawal sikitlah *daripado*[daripada] negeri-negeri lain *hok*[yang] masuk mari. *Sekurang-kurangnyo*[sekurang-kurangnya] *kito*[kita] ado[ada] doh[sudah] di *dale negaro* [dalam negara] produk jadi kena *control* [kawal] sikit daripada Korea *ko* [ke] daripada China *ko* [ke] .

**SN : Apakah pendapat *pok cik yie* [pak Cik Sukri] terhadap perkembangan perniagaan orang Melayu ini sendiri?**

EMS : Sebenarnya *kito*[kita] di bumi Melayu ini, *kito*[kita] *ore* [orang] Melayu rama *sepatutnyo* [sepatutnya] *pakat-pakat* [menunjukkan saling bekerjasama] *wi* [bagi] sokongan *ko*[ke] Melayu ini untuk perkembangan perniagaan *ore*[orang] Melayu *kito*[kita]. Sebab *hok*[yang] *jung*[yang] *make nyo* [makannya] *ore* [orang] Melayu *jah*[sahaja] *bukanya*[bukannya] *ore cino*[orang cina].*Ore cino*[orang cina] *tok beli* [tak beli] produk-produk *kito* [kita] *ore* [orang] Melayu.*Kito*[kita] jah[sahaja] yang *kuat*[banyak] *duk*[yang] beli produk-produk *cino* [cina]. *Gitulah*[begitulah] *bukanya ore* [orang] panggil apa perkauman *gapo*[apa] *dok*[tidak].Cumanya *gitulah* [begitulah] *cino* [cina] *tok beli* [tak beli] *bare* [barang] *kito*[kita].Jadi *kito*[kita] *ore* [orang] Melayu ini *keno* [kena] beli

*hok*[yang] kegunaan *ore* [orang] Melayu. Biar teliti sikit *nok* [nak] make[makan] ,pilih pilih gitulah [begitulah].

**SN : Apakah pengajaran atau nasihat terpenting yang menjadi inspirasi kepada *pok cik yie* [pak Cik Sukri] dalam meneruskan perniagaan ini?**

**EMS :** *Kito* [kita] *keno* [kena] amanah, *kito* [kita] *keno* [kena] jujur, *keno* [kena] buat apa yang Allah suruh. Insha Allah perniagaan *kito*[kita] akan berjaya. *Jange*[jangan] tipu *ore* [orang], *jange peting* [jangan pentingkan] *ko* [ke] untung sangat *bia* [biarkan] *bendo* [benda] tu *sedak* [sedap]—

**SN : Okey. Soalan terakhir bolehkah *pok cik yie* [pak cik Yie] kongsiikan atau berikan sedikit nasihat serta pandangan kepada bakal-bakal usahawan muda yang ingin menceburi bidang perniagaan ini atau bidang perniagaan lain?**

**EMS :** *Ore-ore mudo* [orang-orang muda] ni kalau [kalau] *nok nego* [nak berniaga] *keno* [kena] tahu produk *dio* [dia] *nok* [nak] jual untuk *gapo* [apa]. Persaingan *lagumano* [macam mana] *pahtu* [lepas itu] *kito*[kita] produk itu biar betul-betul berkualitilah. *Keno*[kena] *panda*[pandai] ambik peluang itu. Ikutlah dari segi makanan *ko*[ke] pakaian *ko*[ke] alat mekap *ko*[ke] alat kosmetik *ko*[ke] *keno*[kena] *panda*[pandai] cari peluang. Terutama sekali *loni*[sekarang] *nego* [berniaga] *tok*[tidak] perlu *kile*[kilang] *doh*[sudah], *kito*[kita] *buleh*[boleh] pilih *kito*[kita] *buleh*[boleh] cari *kito*[kita] *nok*[nak] jual itu. *Duk* [tengah] jual ubat *duk*[tengah] jual *gapo*[apa] produk sampingan makanan, kesihatan.

SN : *Supplement* [makanan tambahan]?

EMS : *Kure-kure* [paling kurang] *kito*[kita] *keno* [kena] *panda* [pandai] *olah* [berbuat sesuatu dengan] *dio* [dia].Lepastu *kito*[kita] *keno* [kena] sentiasa amanah.*Takdok dohlah*[ tiada sudah].(mengangguk)

SN : **Dengan berakhirnya jawapan yang diberi oleh Encik Sukri tadi maka berakhirlah sesi temubual ini. Terima kasih kepada *pok cik yie* [pak cik Yie] untuk masa yang diluangkan.**

EMS : *Samo-samo*[sama-sama] *maghi* [datang] *nok* [mahu] *wak* [buat] *interview* [temubual] ini.*Takpo*[tidak apa].

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai bidang perniagaan bersama dengan Encik Mohd Sukri Mohammed Noor. Kami mengucapkan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang perniagaan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

**TAMAT**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Siti Nursyakira Nor Azmi menemubual Encik Mohd Sukri bin Mohamed Noor, yang dilahirkan pada 1965, di Kelantan. Temubual dijalankan di pejabat urusan JCH Food Industries Sdn. Bhd di Kuala Krai, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang usahawan dalam pembuatan makanan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG</b>		
00:50	Menyatakan nama penuh dan gelaran	Nama penuh: Mohd Sukri bin Mohamed Noor Nama gelaran: Yie Lakso
01:24	Menyatakan umur, tempat lahir, tempat dibesarkan, sekolah menengah,	Umur: 58 tahun Tempat lahir: Tempat dibesarkan: Tempat tinggal: Kuala Krai
01:59	Menyatakan tempat tinggal sekarang	Bilangan adik-beradik:
02:18	Menceritakan tentang keluarga	14 orang Nama bapa Nama ibu: Anak ke: 2 Tahun berkahwin:
02:58	Menyatakan tahun berkahwin dan nama isteri	Tahun Nama
03:09	Memberitahu tempat asal isteri	Tempat asal: Chabang Empat Tok Mek Ngoh Tumpat, Kelantan
03:23	Berkongsi bilangan anak dan hobi di masa lapang	Bilangan anak: 8 orang Hobi: 1. Bermain basikal



		2.Bersiar-siar 3.Melancong
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
04:10	Menyatakan sekolah rendah,menengah,pencapaian di sekolah	Sekolah rendah:Sekolah Kebangsaan Peria  Sekolah menengah: Sekolah Menengah Arab Amir Indera Putera, Beris Kubu Besar, Bachok  Pencapaian:SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan SMU (Sijil Ugama Malaysia)  Tidak melanjutkan pelajaran
05:00	Berkongsi kenangan manis semasa zaman sekolah.	Kenangan bersama kawan-kawan
<b>BAHAGIAN C:KERJAYA</b>		
05:28	Berkongsi pekerjaan awal dan individu yang kenalkan pekerjaan itu	1.Berniaga sayur dan pakaian 2.Ibu bapa yang kenalkan
07:46	Menceritakan anggaran gaji yang diperoleh	RM 100 -sehari RM 2000-RM 3000-sebulan
08:15	Menjelaskan tempat adik-beradik yang terlibat dalam perniagaan.	1.Wakaf Che Yeh 2.Machang 3. Pasir Puteh
08:52	Berkongsi inspirasi dalam ceburkan diri dalam perniagaan.	1.Menyahut seruan kerajaan. 2.Menyahut seruan agama.
09:32	Mengatakan sebab menjadi usahawan	1.Cita-cita 2.Keselesaan di masa hadapan

10:06	Berkongsi pengalaman peribadi dalam perniagaan dan individu yang mengajar tentang perniagaan.	1. Pengalaman peribadi a) Minat nak berniaga bila nampak keuntungan. 2. Belajar dengan orang
10:58	Menceritakan tempoh berkecimpung dalam bidang perniagaan.	30 tahun
11:49	Berkongsi individu yang memberi dorongan untuk berniaga.	1. Keluarga 2. Adik beradik
12:03	Memberitahu idola dalam bidang perniagaan dan sebab memilih	1. Mertua Sebab 1. Menghormati usaha mereka. 2. Matang dari segi pengurusan. 3. Mengenangkan jasa.
13:21	Memberitahu jawatan yang dipegang dalam perniagaan.	Pengarah dan pengurus syarikat.
13:35	Menjelaskan perubahan yang diterima selepas menceburi diri dalam bidang perniagaan.	1. Mampu membeli segala aset.
14:53	Berkongsi pengalaman menyertai program yang dianjurkan untuk kenalkan produk dan pengalaman dalam perniagaan	1. Anjuran Kementerian Kesihatan 2. Anjuran UITM 3. Hari Koperasi Malaysia di Johor 4. Pengalaman semasa COVID
16:24	Menceritakan tempat permulaan berniaga	Di rumah terlebih dahulu setelah itu ke kilang.
16:47	Menjelaskan tempat perniagaan bertapak	1. Kuala Krai (cawangan) 2. Chabang Empat, Tumpat (ibu pejabat)
17:06	Berkongsi tempoh perniagaan beroperasi	40 tahun

17:27	Menjelaskan perjalanan syarikat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Melakukan perniagaan secara tradisional sebelum ada alat moden .</li> <li>2.Menggunakan kayu api untuk sediakan produk.</li> <li>3.Pekerja hanya empat ke enam orang sahaja.</li> </ol>
18:50	Berkongsi di mana mendapat bantuan untuk meneruskan perniagaan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Pinjaman Maybank</li> </ol>
19:08	Memberitahu siapa yang menguruskan perniagaan ini.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Bahagian pengurusan: 2 orang</li> <li>2.Ahli lembaga pengarah: <ol style="list-style-type: none"> <li>a)Mohd Sukri bin Mohamed Noor dan isteri</li> <li>b)Muhammad Azwan bin Jaafar dan isteri</li> </ol> </li> </ol>
19:49	Menjelaskan permulaan modal untuk memulakan perniagaan ini.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.RM 500000 (dulu)</li> <li>2.Lebih RM 500000 (sekarang)</li> </ol>
20:20	Menceritakan apa peralatan yang diperlukan untuk menghasilkan produk-produk.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Mesin untuk laksa. (proses merendam,basuh)</li> </ol>
21:01	Memberitahu tempat mesin untuk kilang diperoleh.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Johor Bahru (HF Company)</li> </ol>
21:40	Berkongsi mengenai kos yang dikeluarkan untuk mendapat mesin untuk keperluan kilang.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.RM 1.2 juta (mesin terpakai)</li> </ol>
22:07	Memberitahu bahawa mesin sentiasa diselenggara.	<p>Ada selenggara</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1.Setiap hari</li> <li>2.Hari minggu</li> </ol>
22:55	Memberitahu bagaimana memilih pekerja dan kriteria yang diperlukan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)</li> <li>2.Siswazah (Lepasan Universiti)</li> </ol>

23:46	Menjelaskan jumlah pekerja yang ada sekarang dan skop kerja yang dilakukan.	1.Operator pengeluaran 2.Operator pembuatan 3.Pemandu van
24:10	Memberitahu bahawa sentiasa pantau pekerja.	1.Ada sistem “punch card”
24:43	Memberitahu bahawa syarikat mempunyai SOP sendiri dan menyatakan SOP itu.	Ada 1.Amanah 2.Rajin 3.Jaga kebersihan 4.Datang awal
25:17	Menyatakan hari kilang dan perniagaan beroperasi.	Sabtu-Khamis Jumaat (cuti)
25:57	Berkongsi kesukaran untuk mendapatkan sijil halal daripada JAKIM.	1.Bahan yang diperlukan untuk menghasilkan produk perlu ada sijil halal dari JAKIM.
26:53	Menceritakan masa mendaftar SSM.	Tahun 2011
28:12	Berkongsi hasrat untuk mengembangkan perniagaan di tempat luar selain Malaysia.	Mahu melebarkan perniagaan ke negara-negara Islam.
29:05	Memberitahu produk yang dijual dan simbolik di sebalik nama yang digunakan.	JCH “Jaafar Che Halimah”
29:53	Menyatakan slogan yang digunakan dalam perniagaan.	“Mencari yang Halal itu Fardhu Kifayah”
30:34	Menjelaskan target pengguna untuk produk yang ada dalam perniagaan ini.	Semua bangsa
30:52	Berkongsi bagaimana wujudnya idea untuk wujudkan produk yang ada .	1.Ambil berat tentang makanan 2.Mengambil tanggungjawab sebagai orang Islam

32:32	Menjelaskan proses menghasilkan produk sebelum dan selepas adanya teknologi mesin dalam pembuatan laksa.	<p>Sebelum</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1.Uli sendiri</li> <li>2.Mencari kayu api</li> <li>3.Rendam beras satu malam</li> </ol> <p>Selepas</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1.Dapat tahu target pelanggan mahu</li> <li>2.100 tan sehari</li> </ol>
33:12	Memberitahu bahan yang digunakan adalah secara turun-temurun.	Daripada ibu bapa
33:53	Menjelaskan bahan-bahan yang diperlukan untuk menghasilkan produk-produk ini.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1;Gandum</li> <li>2.Beras</li> <li>3.Kanji</li> <li>4.Tepung jagung</li> <li>5,Air</li> <li>6.Minyak masak</li> </ol>
34:18	Berkongsi tempat selalu mendapatkan mendapatkan bahan-bahan dalam penghasilan produk dan pembekal-pembekal yang terlibat.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.BERNAS:Beras</li> <li>2.Syarikat kecil:Tepung jagung</li> <li>3.Selayang:Isi ikan</li> </ol>
35:58	Menyatakan cara memastikan kualiti dan kebersihan bahan-bahan dalam pembuatan produk.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Kena jaga dari awal sebelum proses produk</li> <li>2.Kenal kekurangan bahan-bahan.</li> </ol>
36:48	Keistimewaan produk-produk yang dikeluarkan daripada syarikat JCH.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Sedap</li> <li>2.Laksa tidak berbau busuk</li> <li>3.Mempunyai rahasia tersendiri.</li> </ol>

37:27	Menyatakan produk yang paling mendapat sambutan daripada pelanggan.	1.Laksa
38:44	Hasrat untuk mengeluarkan produk lain.	1.Produk dalam bentuk kering. 2.Hasrat tidak boleh dilakukan kerana kekangan kewangan.
39:16	Menyatakan kaedah bekalkan produk kepada pelanggan.	1.Penghantaran ke kedai-kedai dan pasar-pasar seluruh Kelantan. 2.Mempunyai pemborong tersendiri.
39:46	Memberitahu bahawa produk tidak hanya dibekalkan di Kelantan sahaja.	1.Selangor 2.Pahang
40:07	Berkongsi cabaran utama yang pernah dihadapi dalam pengembangan atau pengeluaran produk dan cara atasinya.	Cabaran: 1.Perintah kerajaan yang perlu diikuti dan dipatuhi. 2.Persaingan dari segi harga. 3.Sambutan kurang dari pengguna  Cara atasi: 1.Kena turut perintah kerajaan 2.Mengamalkan kebersihan supaya mendapat kelulusan MESTI untuk dipamerkan logo tersebut di produk.
42:29	Menyatakan usaha untuk memastikan jenama JCH masih relevan dalam pasaran terkini.	1.Sentiasa mematu keadaan semasa pengilangan

		<p>2.Memastikan untuk mempromosikan produk yang ada.</p> <p>3.Sentiasa mengikuti perkembangan media sosial seperti Facebook,Whatsapp</p>
43:23	Menyatakan persaingan tempatan dalam penjualan laksa.	<p>1.Bersaing dengan penjual-penjual kecil.</p> <p>2.Bersaing dengan penjual daripada Thailand yang memasuki negara tanpa sekatan.</p>
<b>BAHAGIAN D: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN</b>		
44:16	Berkongsi berita gembira menerima anugerah daripada Majlis Agama Islam Kelantan.	“Tokoh Usahawan Daie”
44:50	Menyatakan bentuk anugerah yang diterima.	<p>1.Sijil</p> <p>2.RM 5000</p>
45:15	Memberitahu persepsi masyarakat apabila menerima anugerah tersebut.	<p>1.Masyarakat menerima baik</p> <p>2.Usaha diakui oleh Majlis Agama Islam.</p> <p>3.Membuka pandangan masyarakat.</p>
45:59	Menceritakan impak menerima anugerah tersebut.	Ada
46:09	Menyatakan kepuasan hati dalam menerima pencapaian tersebut.	Ya
46:23	Memberitahu banyak adanya lawatan dari orang.	1.Beri taklimat kepada orang yang datang melawat ke premis jualan.

46:47	Menyatakan kesudian jika diajak untuk memberi taklimat.	Ya. Jika berkelapangan.
47:01	Memberitahu bahawa pernah keluar di media cetak.	Surat khabar
47:28	Menjelaskan cara mengekalkan perkembangan serta pencapaian yang telah diperolehi.	1. Sentiasa jaga mutu 2. Jaga pembekal-pembekal dan pelanggan 3. Kenalpasti masalah.
48:01	Memberitahu sumbangan kepada masyarakat dalam perniagaan.	Setiap pekerja yang ada adalah masyarakat setempat (orang kampung)
48:50	Menyatakan inisiatif dan sumbangan dalam perniagaan ini.	1. Zakat untuk anak yatim. 2. Sumbangan kepada Kementerian Kesihatan. 3. Sumbangan kepada persatuan-persatuan dan belia-belia.
49:37	Memberitahu terlibat dalam tanggungjawab sosial atau inisiatif kebajikan seperti membayar zakat.	Ada terlibat
<b>BAHAGIAN E: NASIHAT/PANDANGAN</b>		
50:01	Menyatakan pandangan mengenai perniagaan pada masa hadapan.	1. Kita kena jaga mutu produk. 2. Produk dalam keadaan baik.



		3.Kerajaan perlu ambil tindakan kepada penjual dari luar yang datang ke Malaysia tanpa keizinan.
51:04	Menjelaskan perkembangan dan peluang baru yang dilihat dalam perniagaan.	1.Kena sahut seruan sekarang 2.
51:56	Menyatakan pandangan mengenai perniagaan di Malaysia sekarang ini.	1.Perniagaan di Malaysia dalam keadaan stabil. 2.Mengawal kemasukan makanan daripada luar.
52:57	Berkongsi pandangan mengenai perniagaan orang Melayu.	1.Saling menyokong perniagaan orang Melayu.  2.Elakkan sifat perkauman.  3.Teliti dalam pemilihan produk.
53:52	Menjelaskan pengajaran atau nasihat terpenting yang menjadi inspirasi dalam meneruskan perniagaan.	1.Kita kena amanah,jujur,mengikut perintah Allah SWT  2.Jangan menipu dalam perniagaan dan terlalu mementingkan keuntungan.
54:29	Berkongsi nasihat kepada anak-anak muda.	1.Kena kenal fungsi produk.  2.Kena tahu persaingan.  3.Pilih produk yang berkualiti.

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12.00 p.m. - 2.00 p.m.	5 Okt 2023	<p>Pensyarah kami, Puan Nurulannisa memberi taklimat mengenai kajian sejarah yang perlu kami buat sebagai kerja khusus subjek IMR604.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan untuk membentuk kumpulan masing-masing menasihati supaya memilih tokoh di kawasan pantai timur</p>	<p>Catatan awal dilakukan untuk proses kajian sejarah lisan.</p> <p>Membentuk kumpulan untuk sejarah lisan</p>
9.43 a.m.	19 Okt 2023	<p>Puan Nurulannisa memberi maklumat mengenai tema kajian sejarah lisan iaitu Tokoh Warisan Budaya atau Tokoh Kandungan Tempatan.</p> <p>Puan Nurulannisa juga berkongsi kriteria asas bagi tokoh yang dipilih bagi kajian lisan tersebut.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membuat abstrak kajian terlebih dahulu dan menghantar di Google Classroom untuk semakan.</p>	<p>Mengambil maklum mengenai tema sejarah lisan.</p> <p>Berbincang dengan pasangan berkenaan tokoh yang hendak dipilih</p>
10.15 a.m.	21 Okt 2023	<p>Kami menemui tokoh yang sesuai untuk ditemubual iaitu Tuan Haji Alwi yang merupakan Pengerusi Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Kelantan. Beliau</p>	<p>Mencari maklumat lebih lanjut berkaitan dengan tokoh</p>

		merupakan seorang yang mahir dalam bidang warisan senjata melayu, iaitu keris.	
9.45 a.m.-10.05 a.m.	22 Okt 2023	Kami menghubungi Tuan Haji Alwi bagi bertanyakan kesudian beliau untuk menjadi tokoh kajian dan ditemubual.  Beliau bersetuju untuk menjadi tokoh kajian kami dan ditemubual.	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan persetujuan daripada beliau.
10.25 a.m.	23 Okt 2023	Kami menerima panggilan daripada Tuan Haji Alwi bahawa beliau tidak dapat menjadi tokoh bagi projek kajian lisan kami atas masalah kekangan masa  Beliau juga memberi cadangan tokoh yang lain kepada kami iaitu Encik Mat Nor Awang Kechik yang merupakan juga seorang tokoh yang mahir dalam warisan senjata melayu.	Mengambil maklum di atas cadangan beliau.  Meminta nombor telefon beliau daripada Tuan Haji Alwi.
12.00 p.m.-12.10 p.m.	25 Okt 2023	Kami menghubungi Encik Mat Nor Awang Kechik bagi bertanyakan kesudian beliau untuk menjadi tokoh kajian dan ditemubual  Beliau bersetuju untuk menjadi tokoh kajian kami dan ditemubual.	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan persetujuan daripada beliau.
9.15 a.m.	27 Okt 2023	Kami membatalkan temu janji dengan Encik Mat Nor kerana kami baru sedar yang Encik Mat Nor pernah ditemubual oleh pelajar semester yang lepas.	Mula mencari tokoh lain yang memenuhi kriteria kajian sejarah lisan ini.

10.00 a.m. - 11.45 a.m.	28 Okt 2023	Kami meneruskan perbincangan mengenai tokoh yang hendak ditemu bual dan mendapat cadangan daripada ayah Nur Syafiqah untuk menemubual tokoh usahawan pembuatan laksa JCH Food Industries Sdn.Bhd iaitu Encik Mohd Sukri bin Mohamed Noor.	Mencari maklumat mengenai perniagaan tokoh tersebut.
12.00 p.m. - 12.10 p.m.	28 Okt 2023	Kami menghubungi Encik Mohd Sukri bagi bertanyakan kesudian beliau untuk menjadi tokoh kajian dan di temubual  Beliau bersetuju untuk menjadi tokoh kajian kami dan ditemubual.	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan persetujuan daripada beliau.
8.30 p.m.	1 Nov 2023	Kami mula menulis abstrak mengenai tokoh usahawan Encik Sukri untuk dihantar di Google Classrom bagi semakan pensyarah kami, Puan Nurulannisa	Menulis dan menghantar abstrak di Google Classroom.
9.00 a.m.	10 Nov 2023	Kami terus berhubung dengan Encik Sukri melalui aplikasi WhatsApp untuk mengetahui serba sedikit mengenai beliau untuk membuat proposal dan preliminary questions.  Beliau meminta untuk berjumpa dengan kami untuk menjelaskan dengan lebih terperinci kepada beliau tentang kajian sejarah lisan yang hendak dilakukan.	Mengambil maklum semua maklumat yang diberikan oleh tokoh untuk tujuan kajian.  Membuat temu janji untuk bertemu di rumah belia
11.00 a.m.	12 Nov 2023	Kami mula menulis proposal dengan maklumat-maklumat yang telah diperoleh.	Mencari maklumat yang berkaitan untuk diletakkan di dalam

			proposal seperti artikel yang bersesuaian.
10.30 a.m.-11.00 a.m.	15 Nov 2023	Perjumpaan kali pertama bersama Encik Mohd Sukri di rumah kediamannya di Tumpat, Kelantan.	Menceritakan mengenai tugas kajian lisan sejarah kepada beliau.
9.00 a.m.	17 Nov 2023	Kami mula menulis soalan-soalan yang akan ditanya ketika sesi temubual.	Menulis soalan-soalan yang berkait dengan persoalan kajian.
12.00 p.m.	20 Nov 2023	Kami menghantar soalan temubual di Google Classroom bagi tujuan semakan.	Penghantaran soalan di Google Classroom
10.00 a.m.	22 Nov 2023	Puan Nurulannisa telah membuat semakan terhadap soalan-soalan yang kami buat dan meminta kami untuk membetulkan beberapa kesalahan.	Mengambil maklum tentang kesalahan yang dibuat dan membuat pembaikan soalan .
10.00 p.m.	23 Nov 2023	Kami menghantar kembali soalan yang telah dibetulkan kepada Puan Nurulannisa di Google Classroom	Membuat penghantaran semula soalan temu bual
9.00 a.m.	25 Nov 2023	Kami berjumpa dengan tokoh kami Encik Mohd Sukri di kilang laksa JCH Food Industries Sdn.Bhd, Tumpat, Kelantan bagi tujuan temu bual awal untuk mengambil maklumat untuk diletakkan di dalam proposal kajian.	Mencatat segala maklumat yang berkenaan
12.30 p.m.	30 Nov 2023	Puan Nurulannisa memeriksa dan menyemak soalan-soalan kami secara bersemuka di kelas D309B.	Mengambil maklum akan kesilapan yang dibuat dalam mengarang soalan untuk tokoh.
10.00 a.m.	4 Dis 2023	Kami menghantar kembali soalan yang telah dibetulkan kepada Puan Nurulannisa di Google Classroom	Membuat penghantaran semula soalan temu bual

12.05 p.m.	6 2023	Dis	Puan Nurulannisa telah meluluskan soalan-soalan dan mengizinkan kami untuk pergi menemubual tokoh	Soalan diluluskan oleh Puan Nurulannisa.
10.00 a.m.	7 2023	Dis	Kami memberi soalan-soalan temubual kepada tokoh kami, Encik Mohd Sukri untuk makluman awal.	Soalan dihantar menerusi aplikasi WhatsApp
10.15 a.m.	10 2023	Dis	Kami menelefon kepada Encik Mohd Sukri untuk membuat temu janji bagi menjalankan sesi temu bual.	Mendapatkan tarikh untuk sesi temu bual
11.00 a.m. - 12.00 p.m.	14 2023	Dis	Kami menjalankan sesi temubual bersama tokoh kami, Encik Mohd Sukri di pejabat pengurusan JCH Food Industries di Kuala Krai, Kelantan.	Temubual bermula.
12.30 p.m.	14 2023	Dis	Kami mengucapkan terima kasih kepada Encik Mohd Sukri atas kesudian beliau untuk sesi temubual	Ucapan terima kasih diberikan sebelum kami pulang.

# SENARAI SOALAN

## **Bahagian A: Latar belakang tokoh**

1. Apakah nama penuh Encik?
2. Apakah nama samaran Encik?
3. Berapakah umur Encik?
4. Dimanakah Encik dilahirkan?
5. Adakah Encik membesar di tempat yang sama, jika tidak dimanakah Encik membesar sebelum ini?
6. Di manakah Encik tinggal sekarang?
7. Seterusnya, bolehkah Encik menceritakan serba sedikit tentang keluarga encik contohnya seperti nama ibu dan bapa Encik.
8. Berapakah bilangan adik beradik Encik?
9. Encik anak yang ke berapa?
10. Pada tahun berapakah Encik mendirikan rumah tangga?
11. Siapakah nama isteri Encik?
12. Isteri Encik berasal dari mana?
13. Berapakah bilangan anak Encik?
14. Apakah yang Encik suka lakukan pada masa lapang?

## **Bahagian B: Sejarah pendidikan**

15. Di manakah Encik bersekolah rendah?
16. Di manakah Encik bersekolah menengah?
17. Apakah pencapaian yang Encik pernah peroleh semasa di peringkat sekolah?
18. Adakah Encik menyambung pelajaran setelah tamat sekolah menengah?
19. Di manakah Encik menyambung pengajian setelah tamat sekolah menengah?
20. Apakah kenangan manis Encik yang tidak dapat dilupakan sepanjang pengajian?

## **Bahagian C: Kerjaya**

### **C1: Kerjaya Awal**

21. Apakah pekerjaan pertama yang dilakukan oleh Encik ?
22. Siapakah yang mengenalkan pekerjaan itu kepada Encik?
23. Bilakah Encik mula bekerja dan berapakah usia ketika itu?
24. Berapa lamakah Encik bekerja di situ?
25. Berapakah gaji yang diperoleh ketika itu?
26. Boleh Encik ceritakan pengalaman bekerja di situ?

### **C2: Bidang perniagaan**

27. Dalam kalangan adik-beradik Encik, ada atau tidak yang menjalankan perniagaan yang sama. Jika Ya, apakah dan di manakah?
28. Siapakah diantara anak Encik yang mempunyai minat berniaga ?
29. Apakah inspirasi/punca tercetusnya idea Encik untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan?

### **C3: Peniaga**

30. Adakah menjadi seorang usahawan merupakan cita-cita Encik dari zaman sekolah Encik?
31. Adakah pengalaman peribadi atau pendidikan yang memberikan asas kepada perniagaan ini?
32. Jika tidak, dari manakah Encik belajar cara menjalankan perniagaan?
33. Bilakah dan berapa lamakah Encik sudah berkecimpung dalam bidang perniagaan ini?
34. Siapakah yang memberi idea untuk memulakan perniagaan ini?
35. Siapakah orang yang paling banyak memberikan dorongan buat Encik untuk meneruskan perniagaan ini?
36. Siapakah idola Encik di dalam bidang perniagaan ini?
37. Kenapa Encik memilih beliau sebagai idola Encik?
38. Apakah jawatan yang dipegang oleh Encik dalam perniagaan ini?



39. Apakah perubahan yang Encik nampak setelah menceburi bidang perniagaan ini seperti gaya hidup?
40. Adakah Encik pernah menyertai mana-mana program yang dianjurkan oleh pihak tertentu sebagai usaha untuk memperkenalkan produk syarikat ini?
41. Apakah pengalaman yang paling tidak boleh dilupakan apabila memasuki alam perniagaan?

#### **C4: Kilang**

42. Adakah perniagaan ini bermula secara kecil-kecilan di rumah atau terus bermula di kilang?
43. Adakah di sini tempat pertama perniagaan ini bertapak?
44. Sudah berapa tahun perniagaan ini beroperasi?
45. Bolehkah Encik menceritakan serba-sedikit tentang perjalanan syarikat ini?
46. Bagaimana perniagaan ini berkembang dari semasa ke semasa?
47. Adakah Encik mendapat mana-mana bantuan kewangan bagi meneruskan perniagaan ini?
48. Bagaimana dengan pengurusan syarikat, berapa orangkah yang menguruskan perniagaan ini selain Encik?
49. Berapakah sekurang-kurangnya modal yang perlu dikeluarkan untuk Encik menjalankan perniagaan ini?
50. Apakah peralatan atau mesin yang diperlukan untuk menghasilkan produk-produk?
51. Bagaimana dan di manakah Encik mendapatkan peralatan seperti mesin?
52. Berapakah kos yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan peralatan-peralatan yang diperlukan?
53. Adakah peralatan-peralatan ini diselenggarakan setelah digunakan?
54. Seterusnya mengenai pemilihan pekerja, adakah Encik ada menetapkan kriteria tertentu ketika memilih para pekerja dan apakah kriteria tersebut?
55. Apakah sebab utama Encik menetapkan kriteria-kriteria sedemikian?
56. Berapa ramaikah pekerja yang ada sekarang ini?
57. Apakah skop tugas yang mereka lakukan?
58. Adakah Encik sentiasa memantau prestasi para pekerja?
59. Adakah syarikat ini membuat bayaran caruman seperti KWSP / SOCSO kepada setiap pekerja?
60. Adakah perniagaan ini mempunyai SOP yang tersendiri?

61. Semasa memulakan perniagaan ini, adakah sukar untuk Encik untuk mendapatkan sijil halal daripada JAKIM?
62. Adakah perniagaan ini mendaftar dengan SSM dan bilakah Encik mendaftar?
63. Mengenai perkembangan perniagaan, adakah syarikat ini mempunyai cawangan?
64. Jika ada, bolehkah Encik senaraikan cawangan-cawangan tersebut?
65. Adakah Encik mempunyai hasrat untuk melebarkan sayap perniagaan ini ke negara-negara lain selain Malaysia?

**C5: Produk**

66. Apakah jenama produk yang dijual?
67. Apakah simbolik di sebalik nama produk yang digunakan?
68. Apakah slogan yang diamalkan dalam perniagaan ini?
69. Apakah produk-produk yang dikeluarkan oleh perniagaan ini?
70. Siapakah target pengguna untuk produk-produk ini?
71. Dari mana wujudnya idea untuk mengeluarkan produk-produk ini?
72. Bolehkah Encik ceritakan bagaimana proses pembuatan produk makanan ini sebelum dan selepas wujudnya teknologi mesin ?
73. Berkenaan dengan bahan yang digunakan, adakah ianya turun-temurun daripada keluarga atau belajar dari mana-mana sumber?
74. Apakah bahan-bahan yang diperlukan dalam penghasilan produk-produk ini?
75. Di mana Encik selalu mendapatkan mendapatkan bahan-bahan dalam penghasilan produk?
76. Boleh Encik senaraikan pembekal-pembekal yang terlibat?
77. Bagaimana Encik memastikan kualiti dan kebersihan bahan-bahan dalam pembuatan produk?
78. Berapakah jumlah produk yang dapat dihasilkan dalam masa sehari?
79. Apakah keistimewaan produk-produk yang dikeluarkan daripada syarikat ini?
80. Bagi pendapat Encik, produk apakah yang paling mendapat sambutan daripada pelanggan?
81. Adakah Encik berhasrat untuk mengeluarkan produk lain?
82. Adakah syarikat ini akan membekalkan produk-produk ini ke kedai-kedai melalui penghantaran (delivery) atau pemilik kedai ambil sendiri (self pickup) di kilang?

83. Adakah syarikat ini hanya membekalkan produk-produk ini dalam negeri Kelantan sahaja?
84. Apakah cabaran utama yang pernah dihadapi dalam pengembangan atau pengeluaran produk ini ?
85. Bagaimana Encik mengatasi cabaran tersebut?
86. Apakah usaha Encik untuk memastikan yang jenama anda masih relevan dalam pasaran terkini?
87. Sepanjang menjalankan perniagaan ini, adakah terdapat persaingan dalam memasarkan produk ini?
88. Siapakah antara pesaing tersebut bagi pendapat Encik?

#### **Bahagian D: Sumbangan dan Pencapaian**

89. Adakah Encik pernah menerima anugerah sepanjang menjalankan perniagaan ini?
90. Jika Ya, bolehkah Encik ceritakan serba sedikit mengenai anugerah tersebut
  - a. Siapakah yang memberikan anugerah tersebut?
  - b. Apakah bentuk anugerah yang diterima?
91. Apakah persepsi masyarakat apabila Encik menerima anugerah tersebut?
92. Adakah anugerah tersebut memberi impak kepada perniagaan Encik?
93. Adakah Encik berpuas hati dengan pencapaian tersebut?
94. Pernahkah Encik ditawarkan untuk memberikan taklimat atau berkongsi rahsia kejayaan Encik kepada mereka di luar sana?
95. Apakah pencapaian-pencapaian yang diperoleh oleh syarikat seperti perniagaan ini pernah keluar di mana-mana media cetak, media massa atau media sosial?
96. Bagaimana Encik dapat mengekalkan perkembangan serta pencapaian yang telah diperoleh?
97. Bagaimana perniagaan ini memberikan sumbangan kepada komuniti setempat?
98. Berapa ramai orang kampung yang terlibat dalam perniagaan ini?
99. Apakah inisiatif atau program sumbangan yang telah dijalankan oleh perniagaan ini?

100. Adakah perniagaan Encik terlibat dalam tanggungjawab sosial atau inisiatif kebajikan seperti membayar zakat, membantu asnaf atau sebagainya?

**Bahagian E: Nasihat / pandangan**

101. Apakah pandangan Encik mengenai perniagaan ini pada masa hadapan?

102. Apakah perkembangan atau peluang baru yang Encik lihat dalam perniagaan ini?

103. Bagi pendapat Encik, apakah pandangan Encik terhadap bidang perniagaan di Malaysia sekarang ini?

104. Apakah pendapat Encik terhadap perkembangan perniagaan orang Melayu?

105. Apakah pengajaran atau nasihat terpenting yang menjadi inspirasi kepada Encik dalam meneruskan perniagaan ini?

106. Bolehkah Encik kongsi atau berikan sedikit nasihat serta pandangan kepada bakal-bakal usahawan muda yang ingin menceburi bidang perniagaan ini atau bidang perniagaan lain?

# SURAT PERJANJIAN SEJARAH



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya TUAN HAZI MOHD GUSRI MOHAMED MOHR K/P: \_\_\_\_\_ pada  
14 FEBRUARI 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang diperlukan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

\_\_\_\_\_  
MOHD SUKULI MOHAMED MOHR  
(Nama tokoh)  
Tarikh: 14/12/2023

\_\_\_\_\_  
(Nama Pensyarah: Nurulnisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UTM)

## GAMBAR



Gambar 1: Gambar bersama tokoh, Encik Mohd Sukri bin Mohamed Noor



Gambar 2: Sesi pemberian cenderahati kepada tokoh



Gambar 3: Anugerah yang diterima oleh tokoh





Gambar 4: Semasa tokoh menerima Anugerah Tokoh Usahawan Daie 1445H



Gambar 5: Produk-produk keluaran JCH Food Industries Sdn Bhd



Gambar 6 & 7: Pengiktirafan Halal, MeSTI serta lessen perniagaan

# INDEKS

## A

anak, 3, 4, 8, 13, 23, 25, 37, 44, 52, 53, 59,  
60  
anugerah, 34, 35, 51, 63

## B

Beras, 22, 27, 49

## F

fardhu, 24, 25

## H

halal, 9, 19, 21, 22, 28, 35, 48, 62

## I

Indonesia, 4, 7  
isteri, 4, 6, 7, 17, 44, 47, 59

## J

JCH, 2, 8, 10, 11, 12, 18, 24, 29, 33, 44, 48,  
49, 50, 56, 57, 58

## K

kecil-kecilan, 6, 10, 11, 14, 61  
kilang, 4, 8, 14, 16, 17, 22, 31, 41, 46, 47,  
48, 57, 61, 62  
Kuala Krai, 2, 3, 15, 44, 46, 58

kualiti, 19, 29, 30, 49, 62

## L

laksa, 2, 7, 11, 15, 17, 21, 24, 27, 29, 30, 31,  
33, 39, 47, 49, 51, 56, 57

## M

Maulidur Rasul, xii, 26  
mesin, 14, 17, 18, 19, 25, 26, 31, 47, 49, 61,  
62

## N

*nego*, 6, 7, 9, 10, 14, 16, 26, 39, 41

## P

perniagaan, 2, 6, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16,  
17, 20, 21, 22, 23, 24, 34, 35, 36, 37, 38,  
39, 40, 41, 42, 45, 46, 47, 48, 52, 53, 56,  
60, 61, 62, 63, 64  
Perniagaan, 10, 53

## S

sijil, 5, 21, 22, 28, 34, 48, 62  
SPM, 5, 19, 45, 47

## T

Thailand, 4, 7, 30, 33, 38, 51  
Tumpat, 4, 15, 44, 46, 57